

DATE  
PUBLICATION  
SECTION  
HEADLINE  
CATEGORY  
MEASUREMENT

: 05 JUNE 2013  
: UTUSAN MALAYSIA  
: BUSINESS SECTION  
: KLIA2 MAIN TERMINAL TO BE READY END OF THIS YEAR  
: COMPANY NEWS  
: 442 SQ CMS

# Terminal utama klia2 siap hujung tahun



LAKARAN artis jambatan udara (skybridge) di klia2.

KUALA LUMPUR 4 Jun - Salah satu kontraktor klia2, Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri), menjangka pembinaan terminal utama lapangan itu yang dibangunkan oleh mereka, bakal siap selawat-lewatnya pada suku keempat tahun ini.

Syarikat itu melalui konsortium yang merangkumi UEM Construction Sdn. Bhd. (UEMC), UEMC-Bina, dianugerahkan pakej mereka bentuk, membina dan menyelenggara bangunan terminal utama, bangunan satellite, jambatan udara (sky bridge) dan jeti terminal ke pesawat bernilai RM997 juta.

Pengarah Eksekutif Bina Puri, Matthew Tee berkata, pihaknya bersama UEMC mahu memohon tempoh lanjutan untuk beberapa bulan lagi bagi menyiapkan kerja-kerja di terminal tersebut.

Tempoh pembinaan klia2 yang sepatutnya siap pada bulan ini terpaksa ditangguh kerana perubahan beberapa skop kerja yang dikatakan telah memberi kesan terhadap tempoh pembinaannya.

“Lebih baik tidak menetapkan tarikh khusus siapnya lapangan terbang ini.

“Terlalu banyak sangat tarikh yang diumumkan, yang kadang-

kala tidak realistik untuk dipenuhi,” kata Tee pada sidang akhbar mengenai perniagaan Bina Puri di sini hari ini.

Tempoh siap klia2 beberapa kali telah dipinda sejak 2011 dan sehingga kini tiada tarikh rasmi terbaharu diumumkan oleh Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB).

MAHB sebelum ini telah menyatakan untuk mengambil tindakan ke atas kontraktor terlibat akibat kelewatan tersebut.

Mengenai tindakan itu, Tee berkata, MAHB tidak menamakan mana-mana syarikat secara spesifik.

“Tindakan mungkin diambil ber-

dasarkan keterangan oleh semua pihak, termasuk alasan oleh kontraktor yang memohon melanjutkan kerja masing-masing,” katanya.

Bina Puri bagaimanapun yakin syarikat tidak akan menanggung kerugian akibat kelewatan tersebut.

Beliau juga menyatakan, perbezaan pendapat mengenai pembinaan aerobridge antara AirAsia dan MAHB, merupakan salah satu sebab kontraktor terpaksa menunggu keputusan akhir daripada kedua-dua pihak tersebut.

Ketika ini 93 peratus kerja-kerja yang dilakukan oleh UEMC-Bina telah siap.

Sementara itu, Tee menolak andaian Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes bahawa pembinaan klia2 sepatutnya hanya membatik kos sebanyak RM2 bilion.

“Andaian itu tidak realistik, mungkin anggaran RM2 bilion itu hanya boleh membina ruang menyimpan pesawat sahaja,” katanya.

Dalam pada itu, MAHB dalam satu kenyataan hari ini menegaskan bahawa Tuntutan Ganti Rugi Jumlah Tertentu (LAD) akan tetap dikenakan kepada kontraktor-kontraktor yang telah melanggar perjanjian.